

[Ekonomi & Kerja](#) Premium

Kegagalan niaga khidmat komputer pada 2009 jadi iktibar perluas ilmu

Seramai 36 individu termasuk bekas pesalah dan remaja berisiko mengambil bahagian dalam program Siri Keusahawanan Step Up anjuran syarikat Procter & Gamble (P&G) dan pertubuhan amal, HCSA Community Services, baru-baru ini. Dalam program dua hari itu, peserta belajar tentang topik seperti penjenamaan dan komunikasi, pemilikan perniagaan dan kemahiran kepimpinan daripada penceramah undangan, mantan cef dan bekas pengasas bersama Eighteen Chefs, Encik Benny Teo, dan wakil P&G. BERITA HARIAN paparkan dua

SINGAPURA

BeritaHarian



[PROGRAM STEP UP](#) [ekonomi](#)

Apr 25, 2023 | 05:30 AM



Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula



TIMBA ILMU: Encik Mohammad Feroz Haron akur melalui program 'Step Up', beliau dapat belajar mengenai aspek penjenamaan dan pemasaran yang memainkan peranan besar dalam membantu perniagaan terus bertahan.

KEKURANGAN pengetahuan dasar perniagaan ternyata boleh mengakibatkan kegagalan. Demikian diajukan sendiri oleh Encik Mohammad Feroz Haron apabila syarikat perkhidmatan komputernya terpaksa gulung tikar pada 2009 selepas bertahan hanya lima tahun.

Pengalaman pahit menutup kedainya di Sim Lim Square itu kini menyedarkannya tentang banyak kesilapan perniagaan yang telah dilakukan.

Ini terutama sekali selepas Encik Mohammad Feroz, 58 tahun, mengikuti program keusahawanan di bawah pertubuhan amal HCSA Community Services, dan Procter & Gamble.

Menurut beliau, satu kelemahannya pada masa itu ialah kekurangan pengetahuan dan kesedaran mengenai pemasaran dan penjenamaan.

"Saya rasa kalau saya ikuti program ini dahulu, mungkin perniagaan itu boleh berjaya," ujar Encik Mohammad Feroz semasa ditemuramah.

Menurut beliau, sementara perniagaannya yang menawarkan khidmat pembaikan dan penyelenggaraan komputer itu mempunyai ramai pelanggan tetap, beliau tidak begitu tahu selok-belok cara memasarkannya bagi meluaskan pangkalan pelanggannya.

"Satu perkara yang paling penting saya belajar ialah mengenai penjenamaan dan pemasaran, yang memainkan peranan sangat besar dalam perniagaan."

"Dengan cara pemasaran yang baik dan tepat, ia boleh membawa perniagaan kita jauh dan ke tahap lebih tinggi."

"Sayangnya pada masa lalu saya tidak mempunyai banyak pengalaman dan pengetahuan dalam bidang pemasaran, saya tidak begitu tahu bagaimana untuk memasarkan produk, tiada strategi pemasaran dan tidak tahu bagaimana untuk mengekalkan perniagaan."

"Kini saya sedar banyak cara untuk mempelbagaikan khidmat sebenarnya," ujar Encik Mohammad Feroz yang mendapat sokongan keluarga apabila beliau memulakan perniagaan itu pada sekitar 2004.

Namun, bapa dua anak itu tidak sekalipun serik dengan pengalaman tersebut.

Bahkan, dengan pengetahuan baru ini, Encik Mohammad Feroz berharap untuk membuka lembaran baru dalam perjalanan keusahawannya.

Beliau, yang kali pertama menyertai program keusahawanan, juga tidak akan berhenti menimba ilmu dan merancang untuk mengikuti lebih banyak program serupa.

"Program ini banyak membantu dan saya mahu serta lebih banyak kursus seperti ini."

"Saya mempunyai rancangan untuk bermula semula," tambahnya.

Sikapnya yang tidak mudah patah semangat itu memang terserlah, malahan membolehkannya keluar daripada kancah dadah.

Beliau, yang merupakan bekas pesalah, telah 'keluar masuk' penjara kerana kesalahan berkaitan dadah sejak 1991. Kali terakhir beliau dibebaskan dari penjara ialah pada 2018.

Pengalaman bercerai dengan isterinya pada 2014 - yang sudah dirujuk semula dengannya pada 2019 - cukup menjadi pengajaran dan pemangkin kepada perubahannya.

"Orang kata, hanya bila kehilangan sesuatu yang berharga, barulah kita terasa terhantuk. Itulah yang saya rasakan bila bercerai dan merasa begitu kehilangan kerana keluarga itu sangat penting."

"Saya fikir masak-masak tentang nasib saya pada masa itu dan sedar banyak masa sudah terbuang kerana ketagihan ini."

"Saya bertekad untuk belajar dan pulih, dan tunjukkan kepada orang tercinta yang saya boleh berubah dan kembali kepada masyarakat," cerita Encik Mohammad Feroz yang menduduki peperiksaan peringkat GCE 'O' hingga 'A' di penjara.

Kini sebagai anggota utama HCSA Highpoint's A.I.M Society, satu program jagaan susulan bekas pesalah, beliau menjadi contoh kepada penagih lain yang dalam pemulihan. - **ATIYYAH MOHD SAID**



Dapatkan artikel ini
untuk diterbitkan semula

Juga di Berita Harian



[Apr 23, 2023](#)

[Nurul Aini rancang dua sesi rumah terbuka, Berita](#)



[Apr 22, 2023](#)

[Bagi pasangan S'pura-Malaysia, kena balik Raya bergilir-gilir,...](#)



[Apr 19, 2023](#)

[Orang ramai di tempat awam digesa terus pakai pelitup, Berita](#)




[Apr 18, 2023](#)


[Mahathir teruskan tindakan kemuka saman terhadap Anwa...](#)

[Recommended by](#)

Video Baru



Orang Muda Gitew (OMG!) Episod 8



Orang Muda Gitew (OMG!) Episod 7




Orang Muda Gitew (OMG!) Episod 6



Orang Muda Gitew (OMG) Episod 3




Orang Muda Gitew (OMG) Episod 4




[+ Video lain](#)

Podcast Baru




Apr 15th, 2023

Tahap permainan Liga Perdana Singapura merosot? Salah siapa? (Bahagian 3/3)




Apr 15th, 2023

Pembangunan jurulatih bola sepak di Singapura bermasalah? (Bahagian 2/3)




Apr 15th, 2023

Dapatkan projek Unleash The Roar! selamatkan bola sepak SG? (Bahagian 1/3)



Apr 13th, 2023

Kenapa berat badan kita turun bila puasa?



Apr 12th, 2023

Jauhi pengaruh tidak sihat, bijak pilih rakan baik



[+ Podcast lain](#)



Berita Harian di Mudah Alih



[Hubungi Kami](#)[Kenali Kami](#)[Syarat dan Peraturan](#)[Kenyataan Privasi](#)[Dasar Perlindungan Data](#)

Langgan
Langgan 01/10/2022, MCI(P)073/10/2022SPHDigitalNewsCopyright©2023.SPHMediaLimited.Co.
Regn.No.202120748H

Khidmat pelanggan

6388-3838

Meja Berita

Anda ada maklumat mengenai sesuatu berita menarik?

E-mel: bhnews@sph.com.sg